

## **MELESTARIKAN ADAT PERPATIH DALAM GAGASAN SATU MALAYSIA**

Ani Binti Haji Omar

Jabatan Bahasa dan Kesuksraan Melayu

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tanjong Malim, Perak

### **Abstract**

*The custom is a rule of life, eliminate the bad and cause the good like the saying 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'. Accurate understanding allows the individual to behave and adapt according to the local community. This will create harmony in society and difficult to break the rules that exist in the social sphere in the words of the parable, 'di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung'. Negeri Sembilan often synonymous with the habitual state. Connotation of the custom term means disciplinary, polite, courteous, and do things in a systematic, orderly and organized. Negeri Sembilan have adopted the Adat Perpatih since 600 years ago. Adat Perpatih includes a complex, complete and pure socio-cultural system. If practiced managed it can build a society that is courteous, fair, prosperous and united. Based on the philosophy and values contained therein, the Adat Perpatih can be very practical and intellectual axis to guide the daily life of the community. Like the words of perbilangan 'dianjak layu, dicabut mati, gemuk berpupuk, segar bersiram'. It means that customs will not be fertile if not kept, treated and tempered because it has spiritual values in the form of human flesh. Therefore according to the ideas of **One Malaysia** introduced by Malaysian Prime Minister, Datuk Seri Najib Tun Razak is based on two main thrusts. The first core is the concept of acceptance as compared with the tolerance of the three trees of different race, social justice and National Principles and Constitution. The second core is the assimilation of principle of unity and value aspiration. In accordance with the goals of One Malaysia was to maintain and improve people's unity in diversity of*

*Malaysia's rich cultural diversity which has always been the strength and the best supply for the future, this paper will further focus on Adat Perpatih practiced by the majority in Negeri Sembilan. However, as a minority culture groups in the idea of One Malaysia many things have to be explained so that it can be preserved, remains relevant, appropriate and acceptable and can be applied in the life of the Malays in particular and generally the whole multi-racial society in Malaysia. As the saying 'kata adat banyak kiasan, ditunjuk dia tetapi bukan, bergulung pendek panjang direntang, tak faham kalau tak direnungkan'.*

## **1. Pengenalan**

Pemahaman yang tepat terhadap masyarakat membolehkan individu itu bertingkah laku dan menyesuaikan diri mengikut kehendak masyarakat setempat. Ini akan mewujudkan keharmonian dalam masyarakat dan sukar untuk melanggar peraturan yang wujud di dalam lingkungan sosialnya. Adat Perpatih adalah suatu sistem sosial yang kompleks dan peraturan hidup yang sistematik berdasarkan keharmonian hidup bermasyarakat serta mempunyai konsep dan ideologi yang disedari dengan jelas. Adat ini diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan beberapa tempat di Naning, Nyulas dan Lubuk Cina di Melaka, Beranang di Selangor, Kapung Lukut, Kota Tinggi dan Jamaluang di Johor (Norazit 1993). Adat Perpatih amat unik. Di dalamnya terdapat penggunaan pepatah dan petitih menerusi bahasa berlarik dan berirama yang begitu indah didengar. Ungkapan-ungkapan tersebut mengandungi kehendak dan maksud tertentu sebagai peraturan dan undang-undang. Lebih menarik lagi dalam ungkapan itu sering kali tidak memaparkan maksud yang terus (tersurat) tetapi mengandungi maknanya yang tersirat. Bagi pengamal Adat Perpatih setiap aspek kehidupan itu ada nilai dan falsafahnya yang tersendiri. Lantas apabila mengkaji perbilangan Adat perpatih, kita akan mengetahui tentang struktur dan organisasi masyarakat pengamalnya. Adat Perpatih tidak hanya dipraktikkan dalam urusan adat semata-mata tetapi adat ini telah mengajar masyarakatnya corak kehidupan bermasyarakat. Lantaran itulah, sewajarnya kefahaman terhadap Adat Perpatih ini kita pupuk dikalangan generasi muda. Hal ini perlu direalisasikan kerana;

 *Tegak rumah kerana sendi,  
Runtuh sendi rumah binasa,  
Sendi bangsa adalah budi,  
Runtuh budi runtuhalah bangsa,  
Adat bersaudara, Saudara dipertahankan,*

*Adat berkampung, Kampung dipertahankan,  
Adat bernegeri, Negeri dipertahankan,  
Adat berbangsa, Bangsa dipertahankan .*

Sehubungan dengan itu, Malaysia merupakan sebuah negara yang rakyatnya bersifat majmuk iaitu terdiri daripada pelbagai bangsa, etnik, kaum, suku kaum, bahasa, budaya dan agama. Setiap bangsa, etnik dan kaum akan mempertahankan identiti mereka yang tersendiri. Cabaran utama yang dihadapi ialah memupuk perpaduan dan integrasi antara kaum dan etnik untuk membina, menjalin bagi mewujudkan kestabilan politik, pembangunan serta keselamatan negara. Hal ini sesuai dengan hasrat yang pernah disuarakan oleh Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berhasrat menjalin dan memupuk hubungan antara etnik dan wilayah untuk memajukan Malaysia. Selain itu, menelusuri pendekatan yang diambil oleh Bapa Perpaduan, Tun Hussein Onn juga seiring dengan semangat gagasan Satu Malaysia yang di bawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam usaha perpaduan rakyat. Menteri Perpaduan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Rais Yatim (dipetik dalam *Utusan Malaysia*, 2010:5) berkata pendekatan yang diambil oleh Perdana Menteri ketiga itu semasa pentadbirannya adalah berasaskan jalinan perpaduan antara kaum yang menjadi jaminan kepada pencapaian dan kemajuan negara dalam pelbagai bidang.

Memperkatakan tentang melestarikan Adat Perpatih sebagai satu peraturan hidup sebenarnya telah melengkapinya semua aspek. Adat ini menghuraikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral serta tabiat manusia yang lain sebagai ahli masyarakat. Adat Perpatih yang selalu disebut-sebut ini wujud di kalangan masyarakat sebagai budaya lisan bersifat tersirat dalam kata-kata perbilangan adat;

*Sepanjang tutur nan didengar,  
Waris nan dijawat,  
Pusaka nan ditolong,  
Sepatah berpantang hilang,  
Sebaris berpantang lupa,  
Adat itu tersirat,  
Bukan tersurat .*

Ismail Sualman dan Mohd Amirul (2010:1), menyatakan matlamat utama konsep Satu Malaysia adalah demi membangkitkan dan merealisasikan perpaduan nasional tanpa mengira perbezaan bangsa dan

agama. Teras perpaduan ini menjadi pemangkin ke arah pencapaian wawasan 2020, kestabilan, kemajuan serta pembangunan rakyat dan negara Malaysia. Teras perpaduan ini merangkumi tiga perkara iaitu sikap “penerimaan” antara semua kaum dan rakyat Malaysia; prinsip-prinsip kenegaraan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta keadilan sosial. Berdasarkan hujahan ini, konsep ini bukan sekadar pengucapan atau laungan di majlis keramaian tetapi perlu direalisasikan dalam bentuk pengisian yang boleh memberi impak dalam kehidupan rakyat Malaysia. Abdul Latif (2010:7) menyatakan terdapat pihak-pihak pula pihak, tertentu yang salah faham terhadap konsep ini dalam Perlembagaan dan hak bukan Melayu dalam perlembagaan negara. Sebahagian masyarakat masih keliru dengan gagasan itu dengan menganggap wujud kesamarataan sedangkan konsep Satu Malaysia tidak keluar daripada konteks perlembagaan. Setiap lapisan rakyat daripada pelbagai kaum perlu menghormati hak yang diberikan dalam perlembagaan seperti Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Malaysia sebagai bahasa Kebangsaan dan kuasa Raja-Raja Melayu.

Senario ini tambah nyata, setelah lebih 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, pemimpin-pemimpin negara masih lagi berusaha memperkenalkan pelbagai slogan dan kaedah bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyatnya yang berbilang kaum, agama dan budaya. Kini Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak memperkenalkan gagasan Satu Malaysia yang bermotokan ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’. Tujuan ia diperkenalkan adalah bagi memperkuatkan hubungan antara rakyat pelbagai kaum di negara ini. Hubungan ini diterjemahkan melalui amalan saling bekerjasama, bermuafakat, berdikari, berfikir dan menghayati satu visi untuk membina satu negara bangsa (Bahagian Penerbitan Dasar Negara 2009). Dengan yang demikian, apabila setiap rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, fahaman dan budaya dapat bersatu padu, baharulah Malaysia akan terus maju, aman dan stabil dalam segenap bidang serta disegani seanterio dunia.

Sebagai satu visi yang baru, sebaik sahaja ia diperkenalkan timbul pelbagai reaksi daripada banyak pihak dalam kalangan masyarakat. Mereka cuba membuat pentafsiran sendiri terhadap gagasan Satu Malaysia. Sesetengah kumpulan memberi reaksi positif, manakala sesetengah kumpulan yang lain memberi reaksi negatif dan penuh kebimbangan. Menurut Ismail (2009), hal ini berpunca daripada lahirnya pelbagai spekulasi yang cuba memberikan gambaran yang agak mengelirukan terhadap sesuatu gagasan baru seperti ini. Kajian yang dilakukan oleh Ismail (2009) menunjukkan bahawa salah pengertian dan

wujudnya kepelbagaiannya tafsiran terhadap Konsep Satu Malaysia disebabkan kurangnya pendekatan berstrategik dalam mempromosikan konsep berkenaan. Kajian menggunakan kaedah kumpulan berfokus di Kuala Lumpur terhadap 58 pemimpin masyarakat pelbagai kaum utama di Malaysia masyarakat mendapati Konsep Satu Malaysia dianggap merugikan Orang Melayu. Informan Melayu dalam kajian tersebut menganggap Konsep Satu Malaysia menyebabkan masyarakat berfikirkan liberal. Ini disebabkan konsep Satu Malaysia mewujudnya “kesamarataan” malah dianggap “menggugat” hak-hak istimewa Orang Melayu dan Bumiputera. Majoriti informan menganggap Konsep Satu Malaysia menjelaskan survival Melayu dan Bumiputera. Bagi masyarakat Cina dan India pula konsep Satu Malaysia memberi ruang dan peluang semua bangsa “menikmati” kesamarataan dalam semua bidang. Contohnya dalam bidang pendidikan, peluang pekerjaan dan ekonomi. Namun kajian berkenaan menunjukkan bahawa semua pemimpin masyarakat baik Melayu, Cina dan India menganggap perpaduan yang diajukan dalam gagasan Satu Malaysia bukanlah satu yang baru dan tidak banyak membawa perubahan. Ini disebabkan mereka menganggap hubungan kaum telah wujud sejak sebelum merdeka dan konsep perpaduan telah diperkenalkan sejak pemimpin terdahulu lagi. Kajian ini menunjukkan bahawa majoriti peserta menganggap konsep Satu Malaysia menyerupai konsep *Malaysian Malaysia*. Oleh itu, Konsep Satu Malaysia perlu dipromosikan secara bersepadu, berterusan dan menyeluruh.

## 2. Kata-Kata Perbilangan Adat

Perbilangan adat atau **kata-kata adat** juga dikenali sebagai teromba. Bentuk puisi teromba atau perbilangan adat itu, dapat dikatakan sebagai puisi bebas. Ia mengandungi kata-kata yang bernas, tepat pada yang dimaksudkan. Disampaikan melalui bentuk-bentuk pengucapan yang tersusun dalam bentuk puisi yang indah dan mempunyai gambaran daya cipta yang tinggi. Menurut Za'ba perbilangan ialah seakan-akan bidalan dan pepatah juga, hanya lainnya perenggan dua, tiga atau lebih, disebut lepas satu, satu seperti orang membilang, dan isinya kebanyakannya sudah jadi seperti undang-undang yang tetap. **Undang-undang yang tetap** yang dimaksudkan oleh Za'ba itu menepati konsep teromba yang mengandungi undang-undang adat. Undang-undang adat di sini bermaksud aturan-aturan yang pada mulanya tidak bertulis, disampaikan dalam bentuk puisi secara lisan dari satu generasi ke generasi dalam masyarakat Adat Perpatih. Secara umum dapat dikatakan perbilangan adat dilahirkan dan diabadikan bersama fungsinya dalam kehidupan masyarakat. Perbilangan ini diabadikan dalam

kehidupan sehari-hari bukan saja melalui aktiviti-aktiviti kesenian berupa tari dan lagu seperti pantun dan syair, tetapi turut meliputi tanggapan, pemikiran, pegangan hidup, peraturan dan perundangan, bahkan resam serta kebiasaan masyarakat dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Dalam masyarakat pendukung Adat Perpatih, kata perbilangan adat merupakan “pemimpin” dalam semua aspek kehidupan. Kata-kata adat itu dihafal dan disampaikan kepada masyarakat melalui penggunaannya dalam kegiatan-kegiatan yang tertentu. Tema atau isi perbilangan adat banyak memberikan gambaran kepercayaan, nilai dan pegangan hidup masyarakat, gambaran perlakuan dan tingkah laku serta peraturan yang mesti dipatuhi, nilai bermasyarakat atau hidup bersatu padu. Bagi masyarakat pengamalnya, kata perbilangan berupaya menampakkan kedudukan dan peranan seseorang individu dalam masyarakat. Ini termasuklah dalam aspek-aspek yang berkaitan dengan politik, ekonomi dan sosial yang berkaitan dengan aspek keagamaan. Bagi masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan aturan-aturan ini lebih dikenali sebagai perbilangan adat. Walaupun kelompok ini merupakan minoriti, namun ia boleh dilestarikan oleh semua kaum dalam gagasan Satu Malaysia.

### **3. Gagasan Satu Malaysia**

Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama, bangsa dan budaya. Sebagai bangsa Malaysia yang berfikir dan bertindak ke arah mencapai satu matlamat, perpaduan yang sedia terjalin antara kaum di negara ini perlu diperkuatkan lagi bagi mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, selamat dan makmur. Oleh kerana idea gagasan 1Malaysia lahir daripada pemikiran Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, maka definisinya juga terlebih dahulu dirujuk kepada penjelasan beliau yang seperti berikut: “Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam negara kita. Ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama” (dipetik dari Bahagian Penerbitan Dasar Negara 2009:8). Berdasarkan penjelasan ini, paling tidak dapat dibuat dua kesimpulan seperti yang berikut: Pertama: Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum perlu berfikir melepas sempadan kaum masing-masing.

Mereka juga perlu melahirkan tindakan yang melepas tembok kepentingan etnik dan kaum. Justeru, sesuatu bangsa tidak wajar hanya berfikir dalam skop bangsanya sahaja. Mereka juga tidak wajar membatasi tindakan mereka kepada perkara-perkara yang menjadi kepentingan mereka sahaja. Kedua: Kepimpinan negara akan melayani dan memenuhi segala keperluan dan hak rakyat tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia. Secara lebih jelas lagi, gagasan Satu Malaysia ini adalah bertujuan menyatupadukan rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini tanpa mengubah identiti dan agama kaum-kaum tertentu. Di samping menjaga kepentingan semua kaum, gagasan Satu Malaysia juga menekankan soal integrasi dan pewujudan bangsa Malaysia. Selain itu, gagasan Satu Malaysia menekankan sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Sesuatu kaum menerima keunikan kaum yang lain seadanya agar dapat hidup bersama dalam keadaan yang saling hormat-menghormati sebagai rakyat dalam satu negara (Bahagian Penerbitan Dasar Negara 2009).

### **3.1 Gagasan Satu Malaysia Ke arah Perpaduan Rakyat**

Boleh dijelaskan bahawa konsep Satu Malaysia ini bukanlah satu ideologi yang baru. Ia merupakan kesinambungan daripada prinsip perpaduan yang telah diperkenalkan oleh para mantan Perdana Menteri Malaysia sebelum ini. Konsep Satu Malaysia ini diwujudkan bertujuan untuk mengukuhkan lagi perpaduan antara kaum yang telah terbina di negara kita melalui cabaran yang semakin getir pada masa kini dan akan datang. Konsep ini juga dilihat dapat meningkatkan lagi tahap pembangunan ekonomi dan sosial negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Pada masa kini, terdapat pelbagai tafsiran dan pendapat mengenai definisi Satu Malaysia. Rumusannya dapat disimpulkan bahawa definisi Satu Malaysia ini ialah kemampuan dan kebolehan setiap warganegara berfikir melepas sempadan kaum masing-masing. Maksudnya sini adalah rakyat Malaysia seharusnya mengambil tahu dan mengambil berat akan nasib kaum-kaum yang lain dan bukan hanya memikirkan kepentingan kaum sendiri sahaja. Selain itu, definisi ini juga ada kaitan dengan kepimpinan negara yang mereka akan melayani dan memenuhi segala keperluan dan hak rakyat tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia. Konsep Satu Malaysia, seperti yang diwar-warkan oleh Perdana menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak bukanlah satu idea yang baru tetapi idea ini merupakan kesinambungan tradisi idealisme perpaduan yang telah diwujudkan sejak dahulu tanpa

mengubah apa-apa di dalam perlembagaan termasuklah hak istimewa orang Melayu. Antara konsep yang diperkenalkan ialah:

- (a) Merupakan satu konsep dalam bidang pentadbiran yang menyarankan pemimpin-pemimpin kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat.
- (b) Menjadi asas kepada semua yang berprinsipkan keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua kaum akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan.
- (c) Sebagai penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum yang membawa kepada perpaduan yang utuh.

Sehubungan dengan itu matlamat Satu Malaysia sudah jelas untuk memupuk semangat perpaduan semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum yang bermatlamat untuk mengekal dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian yang selama ini menjadi kekuatan Malaysia serta rakyatnya dan kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik untuk menghadapi sebarang cabaran. Satu Malaysia juga dapat menyemarakkan semula semangat perpaduan dan persaudaraan dikalangan rakyat Malaysia. Rakyat perlu dimajukan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Satu Malaysia dapat meningkatkan perhubungan antara kaum serta mengeratkan lagi perpaduan antara rakyat yang telah terjalin sejak kemerdekaan lagi dan menegaskan bahawa para pemimpin dan rakyat perlu mempunyai integriti yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara serta mementingkan para pemimpin yang bijak mengatur strategi, berfikir maju ke hadapan serta mengutamakan rakyat.

Satu Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan hormat menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum. Satu Malaysia memerlukan kepimpinan dan rakyat yang berintegriti tinggi. Sifat jujur, berkebolehan, bercakap

benar, telus, ikhlas dan amanah amat penting untuk melaksanakan tanggungjawab kepada negara. Satu Malaysia memerlukan pemimpin yang bijak mentafsir dan memahami tugasannya yang diberi. Pemimpin cemerlang dan komited sewajarnya memiliki kebolehan yang tinggi dalam merancang, mengatur strategi, menilai prestasi dan menepati masa dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Kesungguhan dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab menjadi asas atau senjata paling ampuh dalam mencapai sesuatu kejayaan. Negara memerlukan rakyat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara. Malaysia juga memerlukan pemimpin yang mesra rakyat dan sanggup berkorban masa, tenaga dan kewangan serta mengetepikan kepentingan peribadi demi negara Malaysia. Pemimpin yang bekerja dengan penuh dedikasi dan hati yang ikhlas akan mendapat sokongan dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Negara ini adalah negara untuk semua rakyat, tanpa mengira kaum, agama, budaya serta fahaman politik. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama. Malaysia adalah negara kita di mana tidak ada masyarakat atau kaum yang akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan pembelaan daripada kerajaan. Satu Malaysia adalah pemangkin kepada mengujudkan negara bangsa yang dapat membina Malaysia sebagai negara yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan di kalangan rakyat. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Pemimpin dan rakyat perlu memahami dan menghayati lapan nilai Satu Malaysia, iaitu budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti.

Sesuai dengan tajuk kertas kerja ini “Melestarikan Adat Perpatih dalam Gagasan Satu Malaysia” tiga teras bagi gagasan ini iaitu prinsip penerimaan, prinsip kenegaraan dan keadilan sosial, disokong oleh empat nilai murni iaitu kesederhanaan, rendah hati, berbudi bahasa dan hormat menghormati di samping nilai-nilai sejagat yang lain seperti nilai muafakat, bekerjasama, tolong menolong, nilai kepatuhan, nilai kejiraninan, nilai keadilan dan nilai kegigihan akan dijadikan landasan dalam kupasan selanjutnya melalui kata-kata perbilangan adat.

## **4. Prinsip Penerimaan**

Antara kesitimewaan Adat Perpatih adalah kata perbilangan adatnya. Ia merupakan alat atau lebih berupa peraturan-peraturan yang dapat mengawal tindakan dan perlakuan anggota-anggota masyarakatnya. Nordin (1982:7) menyatakan dalam masyarakat adat perpatih, individu dan masyarakat itu tidak dapat dipisahkan umpama "**tercencang puar, tergerak andilau**". Puar ialah sejenis pokok di hutan. Andilau ialah sejenis akar yang selalu meliliti pokok puar itu. Jika puar dicencang, andilau juga turut merasa akibatnya. Sesuatu yang menyentuh individu akan menyentuh masyarakat dan sebaliknya. Dalam kata-kata perbilangan ini telah digariskan cara hidup yang begitu harmoni, hormat-menghormati, bantu-membantu antara satu dengan lain, bertolak-ansur dan sebagainya. Lengkapnya peraturan yang digambarkan mestilah dianalisis melalui falsafah di sebalik perbilangan yang ada demi memastikan dan mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian dalam sesebuah institusi keluarga yang dibina, ke arah membentuk masyarakat yang unggul dan mulia. Ini selari dengan satu daripada tiga teras dalam memperkuuhkan perpaduan nasional iaitu konsep penerimaan. Sulaiman (2010:13) menyatakan walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai cara hidup, anutan agama dan kebudayaan yang berbeza tetapi mereka boleh saling menerima sebagai rakan setia, jiran, rakan sekerta, perkongsian dan sebagainya.

Penerimaan bererti walaupun rakyat pelbagai kaum secara hakikatnya masih belum serasi sepenuhnya antara satu sama lain tetapi mereka mengamalkan toleransi dan menerima yang lain sebagai rakan yang setia. Kita perlu berganjak daripada konsep toleransi ke konsep penerimaan, apabila kita menerima masyarakat majmuk di negara ini sebagai satu kekuatan dan menerima kaum lain sebagai rakan setia kita. (Syed Mahazir 2010:101) Kata perbilangan ada mengatakan;

*Bulat air kerana pembentung,  
Bulat manusia kerana muafakat,  
Faham sesuai benar seukur,  
Bulat segolek pipih selayang,  
Rundingan jangan selisih,  
Muafakat jangan bercanggah,  
Tuah pada sekata,  
Berani pada seja.*

Oleh itu, ahli-ahli masyarakat mempunyai garis panduan untuk bermasyarakat dan tidak akan melakukan sesuatu tindakan di luar batas-

batas kesopanan yang boleh mengganggu ketenteraman masyarakat yang lain. Maka dengan ini, akan lahirlah sebuah masyarakat yang aman damai, bersatu teguh dan disegani oleh masyarakat yang lain. Di sini wujud persamaan objektif yang hendak dicapai oleh adat dengan apa yang terkandung dengan syariat Islam iaitu membina masyarakat yang unggul dan mulia sesuai dengan fitrah manusia itu, "melakukan segala suruhan dan menjauhi segala larangan".

*Pada syarak menyuruh berbuat baik,  
Menegah daripada berbuat jahat,  
Pada adat menimbulkan yang baik,  
Menghilangkan yang buruk.*

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa adat itu merangkumi segala bentuk kehidupan dan ia tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan ini, termasuk segala bentuk kelakuan dan perbuatan manusia yang dianggap elok dan sesuai diakui sebagai peraturan yang tidak bertentangan dengan hukum Islam, dan boleh diamalkan oleh pelbagai kaum, seperti perbilangan berikut;

*Adat bersendi hukum,  
Hukum bersendi Kitabullah,  
Syarak mengata adat memakai,  
Kuat adat tak gaduh hukum,  
Kuat hukum tak gaduh adat,  
Ibu adat muafakat,  
Cermin yang tak kabur,  
Pelita yang tak padam.*

## 5. Prinsip Kenegaraan

Ibarat irama dan lagu Perbilangan adat dan Adat Perpatih merupakan elemen yang padu dalam suatu ikatan yang kukuh dan saling berkaitan. Hal ini kerana perbilangan adat dicipta dalam bentuk rangkaian kata yang mudah dan ringkas namun penuh dengan sarasan yang bermakna. Tegasnya, apa sahaja bentuk dan persoalan tentang kehidupan termasuk soal-soal kenegaraan, penggunaan ungkapan kata-kata perbilangan adat ada mengungkapkannya. Ini kerana falsafah hidup manusia merupakan satu perkara penting yang perlu diberi perhatian, umpamanya ungkapan berikut;

*Tahu mudarat jaga manfaat,  
mengenal laba juga rugi,  
tahu di onak yang menyangkut,  
tahu di ranting yang mencucuk,  
ingat di dahan yang menghempap,  
tahu di angin yang berseru,  
tahu di arus ombak yang bersabung,  
tahu di alamat kata sampai.*

Sehubungan itu, cetek pengetahuan mengenai sejarah dan kenegaraan menjadi masalah utama rakyat untuk memahami dan menjawai konsep Satu Malaysia. Kurang pengetahuan mengenai Malaysia menyebabkan Satu Malaysia hanya menarik sebagai cogan kata, tetapi tidak difahami dengan baik terutama oleh generasi masa kini. Khoo (2010) menyatakan ketidakfahaman ini telah membangkitkan pelbagai isu kadangkala menyentuh isu-isu perkauman. Umpamanya masyarakat perlu memahami kedudukan istimewa orang Melayu yang diperlihara sejak zaman British lagi, menerusi Majlis Raja-Raja Melayu. Kedaulatan telah dipelihara sehingga Perang Dunia Kedua. Pihak British cuba mengubah keadaan itu dan memaksa Raja-Raja Melayu menerima sistem politik yang tidak memberi keutamaan kepada orang Melayu. Fenomena ini menyebabkan orang Melayu menentang Malayan Union. Sehubungan itu Adat Perpatih ada mengungkapkan nilai sejarah dan kehidupan ini seperti berikut;

*Di situ iman diteguhkan,  
di situ dada dilapangkan,  
di situ akal dipanjangkan,  
di situ hati dipukalkan,  
di situ diri direnungkan.*

Akibat sikap mengambil ringkas dan ambil mudah soal sejarah dan kenegaraan maka timbulah pelbagai kekeruhan dan salah faham. Sehubungan dengan itu ungkapan berikut harus direnungkan;

*Penakik pisau seraut,  
Ambil galah batang lintabung,  
Seludang dijadikan nyiru,  
Air setitik jadikan laut,  
Tanah sekepal jadikan gunung,  
Alam berkembang jadikan guru.*

Melalui penggunaan ungkapan dan kata-kata perbilangan adat ini diharapkan generasi masa kini mempunyai keterbukaan minda yang lebih mudah untuk memahami konsep kenegaraan walaupun kata-kata tersebut sarat dengan bahasa figuratif dan renungan pengarang terhadap alam.

## **6. Prinsip Keadilan Sosial**

Konsep ini bersifat universal dan bukan sahaja diamalkan oleh Adat Perpatih. Keadilan haruslah telus dan bukannya memilih pihak-pihak tertentu. Sehubungan dengan itu setiap kaum di negara ini tanpa mengira latar belakang atau agama diberi keadilan yang sebaik mungkin dari segi kebijakan dan aspek-aspek sosial yang penting. Rakyat perlu bersama menjayakan gagasan Satu Malaysia demi perpaduan negara. Syed Mahadzir (2010:106) menyatakan kerajaan akan bersikap adil dan saksama kepada rakyat di negara ini tanpa meminggirkan mana-mana kaum berdasarkan kepentingan dan mereka yang layak akan diberi bantuan. Kepentingan bumiputera juga akan dijaga sebagaimana yang terjamin dalam perlumbaan berasaskan kepentingan dan kelayakan. Sulaiman (2010:13) menyatakan setiap kaum di negara ini tanpa mengira latar belakang etnik, agama, sosial, diberi keadilan yang sebaik mungkin dari segi kebijakan dan aspek-aspek sosial yang penting. Melalui konsep Satu Malaysia setiap wakil rakyat bertindak melepassi sempadan kaum masing-masing dan melebarkan khidmat mereka kepada kaum-kaum lain. Wan Mohd Zahid (1988) mentakrifkan nilai murni sebagai tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa sama menjadi kriteria atau ukuran.

Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya diasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama untuk membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhhlak mulia. Seiring dengan konsep Satu Malaysia yang menekankan perpaduan kaum serta keharmonian masyarakat yang dapat di garap melalui nilai murni yang diamalkan masyarakatnya. Nilai-nilai murni seperti saling menghormati dan mempercayai perlu wujud di kalangan rakyat negara ini demi kelangsungan mempertahankan negara daripada sebarang ancaman. Sehubungan itu, Adat Perpatih banyak menekankan kepada nilai-nilai sejagat untuk ahli masyarakatnya antara nilai-nilai itu ialah;

## **7. Bekerjasama, nilai muafakat, dan tolong-menolong**

Nilai muafakat, bekerjasama dan tolong menolong dalam amalan Adat Perpatih merupakan ciri utama kerana nilai ini menjadi pegangan bagi ahli keluarga dan ahli masyarakat untuk melaksanakan apa juga aktiviti seperti majlis peminangan , nikah kahwin , kematian , dan lain-lain . Hal ini digambarkan melalui perbilangan;

*Bulat air kerana pembetung,  
Bulat manusia dek muafakat,  
Rundingan jangan selisih,  
Muafakat jangan bercanggah,  
Tuah pada sekata,  
Berani pada seiya,  
Ibu hukum muafakat,  
Ibu adat muafakat.*

Pemuafakatan ini jelas juga digambarkan bagaimana seseorang ahli itu tidak boleh melakukan penindasan terhadap ahli yang serba kekurangan tetapi hendaklah sentiasa bermuafakat dan tolong-menolong, bak kata perbilangan;

*Kalau besar jangan melanda,  
Kalau cerdik jangan menipu,  
Hati kuman sama dicecah,  
Hati gajah sama dilapah .*

Budaya dan nilai murni adalah asas yang mengikat masyarakat kita dalam satu suasana kehidupan yang harmonis dan sejahtera. Selain itu, cara berkomunikasi dan berinteraksi yang baik melicinkan perjalanan proses kehidupan dalam masyarakat. Nilai murni didefinisikan sebagai perlakuan baik, perlakuan dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan Tuhan. Sehubungan itu senario dan kehidupan zaman dahulu banyak berbeza daripada zaman sekarang dimana ledakan teknologi moden secara tidak langsung telah mengubah budaya dan cara hidup bermasyarakat masa kini. Sifat-sifat luhur dan murni semakin terhakis, kesantunan budi bahasa yang dulunya menjadi kebanggaan masyarakat semakin luntur dan tidak lagi menjadi amalan masyarakat kita. Bagi merealisasikan keberkesanannya konsep Satu Malaysia, nilai murni dan akhlak mulia serta komunikasi berhemah adalah antara intipati yang dapat digarap bersama untuk menjadikan rakyat Malaysia dapat hidup aman, bersatu dan melahirkan bangsa Malaysia yang cemerlang dan terbilang.

## **8. Nilai kepatuhan**

Antara nilai kepatuhan yang jelas digambarkan dalam Adat Perpatih ialah kepatuhan yang perlu dilakukan oleh semenda dalam kehidupan keluarga baharunya, bak kata perbilangan;

*Bila bersemenda di man-mana suku,  
Sahlah kata adat,  
Air orang jangan disauk,  
Ranting orang jangan dipatahkan,  
Adat orang dituruti,  
Di mana bumi dipijak,  
Di situ langit dijunjung,  
Masuk kandang kambing mengembek,  
Masuk kandang kerbau menguak,  
Bagaimana adat di tempat semenda,  
Dipakailah .*

Selain itu , kepatuhan dan kesetian dalam Adat perpatih ini juga perlu dihayati oleh semua ahli keluarga dalam masyarakat. Jika ada yang menentang arus dan mencalarkan maruah, kesannya bukan sahaja kepada ahli keluarga tetapi juga kepada semua ahli dalam sukunya . Lantaran itulah kepatuhan dan kesetiaan in dapat menghindarkana rasa malu bak kata perbilangan; **Malu tak dapat diagih, Suku tak dapat dianjak**. Sehubungan itu konsep keadilan sosial dengan mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam gagasan Satu malaysia akan membawa aspirasi untuk memperkuuhkan hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat sebagaimana kehendak prinsip Rukun Negara. Perkara yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah perasaan hormat menghormati dan sikap saling mempercayai antara kaum. Rakyat perlu memahami dan mengamalkan bahawa segala tindakan perlulah mengutamakan kepentingan negara. Semua kaum perlulah menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia di mana segalanya perlu dinikmati secara bersama.

## **9. Nilai Kejiraninan**

Dalam kehidupan masyarakat yang berbilang kaum Adat Perpatih sesuai dilestarikan kerana ia merupakan adat yang keseluruhannya adalah berteraskan masyarakat. Oleh itu kebanyakan perbilangan adalah bertujuan mengajar atau memberi pedoman kepada ahli-ahli

masyarakatnya tentang cara hidup atau aturan bermasyarakat seperti hidup berjiran. Sama ada tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, kelompok kekeluargaan dan masyarakat seterusnya. Contohnya sifat kerjasama dan tolak ansur dalam kehidupan kejiranan yang merupakan asas bagi pembentukan tali silaturrahim antara mereka perbilangan ini ada mengatakan;

*Duduk berpelarasan,  
dekat rumah. dekat kampung,  
soleh pinta meminta,  
sakit pening jenguk-menjenguk,  
sejamban seperulangan,  
seperigi sepermandian.  
sehalaman sepermainan*

*Ke bukit sama mendaki,  
Ke lurah sama menurun,  
Yang ada sama dimakan.  
yang tiada sama dicari.  
seciap umpama ayam,  
sedencing umpama besi,  
sesusun bak sirih,  
seharta sebenda,  
sepandan seperkuburan,  
sehina semalu:  
malu seorang, malu semua.*

Perbilangan di atas jelas memperlihatkan hidup dalam masyarakat adalah saling bergantungan dan tiada individu yang boleh hidup sendirian. Hubungan antara individu dalam masyarakat perlu rapat seperti sirih yang sesusun dan rimbun seperti serai agar tidak mudah diporak-perandakan oleh mana-mana pihak yang ingin mengambil kesempatan ke atas mereka. Setiap anggota masyarakat perlu bersatu dalam semua perkara dan diharapkan tidak melakukan sebarang perbuatan yang memalukan ahli-ahli masyarakat yang lain kerana jika seorang daripada mereka melakukan perbuatan sumbang, maka seluruh masyarakat akan mendapat malu. Hubungan silaturrahim perlu sentiasa dijaga dan dipupuk:

*Jika khabar baik diberitahu,  
Jika khabar buruk serentak didatangi,  
Jika jauh ingat-mengingati.  
Jika dekat temu-menemui.*

Ini bertujuan menggalakkan ahli-ahli masyarakatnya menziarahi sesama jiran tetangga, tidak kira sama ada semasa senang atau susah, jauh atau dekat. Hubungan yang erat perlu diwujudkan, dijaga dan dikekalkan.

## 10. Nilai Keadilan

Dalam melaksanakan undang-undang pula, keadilan merupakan tungggak utama. Undang-undang tidak akan tersekat oleh tali persaudaraan, kepentingan politik, tekanan rasuah, ataupun martabat kedudukan. Malahan, hubungan darah tidak boleh dijadikan alasan untuk membelakangkan undang-undang. Setiap keputusan atau hukuman harus adil tanpa mengira pertalian darah seperti yang diungkapkan:

*Biar mati anak, jangan mati adat,  
Mati anak duka serumah,  
Mati adat duka senegeri,  
tiba di batang, batang tumbang,  
tiba di dahan, dahan patah,  
tiba diurat, urat lembang*

Menurut Tenas Effendy di dalam kertas kerjanya “Ungkapan Melayu : Mutiara Khazanah Tamadun Bangsa” (Pembentangan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya : Julai 2008), ungkapan yang lengkap bagi ‘biar mati anak, jangan mati adat’ ialah;

*Yang syarak wajib ditegakkan  
Yang adat wajib dikokohkan  
Yang lembaga wajib dijalankan  
Supaya hukum boleh berjalan  
Supaya adil boleh ditegakkan  
Supaya hidup boleh dikekalkan  
Pantang menghukum berpilih kasih  
Pantang menghukum membuang bijak  
Pantang menghukum membuang tuah  
Pantang menghukum membuang adil  
Hukum adil benar terletak  
Yang salah dapat padahnya  
Yang benar nampak tuahnya  
Yang adat dapat ditegakkan  
Yang lembaga dapat dikekalkan*

*Hukum tidak berbelah bagi  
Hukum tidak dengki mendengki  
Hukum sesuai hidup dan mati*

Keadilan adalah nilai utama yang diberi tumpuan dalam melaksanakan undang-undang adat. Hukum adat amat melarang penghakiman tidak adil dan pemimpinnya bersikap berat sebelah:

*Ibarat limau masam sebelah.  
perahu karam sekerat,  
tiba di mata dipicingkan,  
tiba di perut dikempiskan.  
menurut alur nan lurus,  
menempuh jalan nan pasar,  
memelihara harta pusaka,  
kusut nan menyelesaikan,  
keruh nan menjernihkan,  
lupa nan mengingatkan,  
panjang nan memendekkan,  
senteng nan memanjangkan.*

Setiap keputusan yang akan diambil bagi menangani sesuatu masalah yang dihadapi haruslah seperti:

*Palu-palu ular dalam benih,  
benih tidak rosak,  
tanah tidak lembang,  
pemalu tak patah.  
ular mati juga;  
umpama menghela rambut dalam tepung,  
rambut tak putus,  
tepung tak berserakan.*

Pemerintahan secara demokrasi ini menurut keadilan dalam setiap aspek yang dilakukan. Sekiranya pemimpin itu zalim maka ia harus dipecat seperti kata perbilangan:

*Raja adil raja disembah.  
Raja zalim raja disanggah*

Begitu demokratiknya Adat Perpatih dimana setiap pemimpin yang dipilih bertanggungjawab untuk sentiasa memelihara kaum kerabat dan anak buahnya dengan adil dan bijaksana.

## 11. Nilai Kegigihan

Sesuai dengan gagasan Satu Malaysia perniagaan dan perdagangan adalah nilai utama dan kesan langsung dari perjalanan sistem masyarakat Adat Perpatih yang gigih berusaha mencari sumber pendapatan. Bukan saja ia didorong oleh nilai tinggi terhadap benda bahkan sebagai penjamin kepada hidup berkeluarga dan punca pendapatan dengan menambah milik tanah.

*Kain pendinding miang,  
emas pendinding malu.  
hilang rupa dek penyakit,  
hilang bangsa dek tak beremas.*

Perbilangan di atas menggunakan kata *emas* yang dilambangkan sebagai barang yang amat bernilai dan dalam konteks ini boleh disamaartikan dengan harta. Ternyata perbilangan ini menggalakkan ahli-ahli masyarakatnya supaya mencari harta kerana harta menentukan maruah dan taraf kedudukan seseorang dalam masyarakat tersebut dan seterusnya membentuk bangsa yang dihormati sekiranya mempunyai harta. Konsep kegigihan ini boleh dihayati melalui perbilangan berikut;

*Hendak seribu daya  
Tak hendak seribu bicara  
Biar berputih tulang  
Jangan berputih mata  
Bulat tak datang menggolek  
Pipih tak datang melayang  
Kalau tak dipecahkan ruyung  
Di manakah dapat sagunya*

Dengan demikian, anak-anak muda digalakkan merantau bagi mencari ilmu pengetahuan dan pengalaman yang akan berguna untuk masa depan. Walaupun Gagasan Satu Malaysia akan menghadapi pelbagai isu dan cabaran serta halangan dan rintangan namun jika gagasan ini dijalankan dan dilaksanakan secara bijaksana, adil dan saksama dengan memberikan contoh-contoh makenisma secara konkrit sebagai panduan dan diketahui, difahami, didihayati dan diamalkan serta dibudayakan sepenuhnya oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia, tentunya gagasan Satu Malaysia ini mampu menangani dan mampu

merungkai segala cabaran dahulu, sekarang dan mendatang serta mampu mencapai perpaduan dan mampu menjadikan Malaysia sebuah Negara yang maju sepenuhnya serta disegani di seluruh dunia menjelang tahun 2020. Seterusnya bagi menjamin kelangsungan hidup maka generasi muda ditanamkan sikap berusaha mencari harta untuk persediaan masa depan seperti yang ditegaskan dalam perbilangan berikut:

*Hari panas kok tak bertudung,  
hari hujan kok tak berpayung,  
hari gelap kok tak bersuluh,  
jalan lenggang kok tak berkawan,  
berhemat sebelum habis,  
sedia payung sebelum hujan.*

Bagi yang merantau pula, dikehendaki kembali dengan membawa harta dan menambah harta yang ada, jika tanpa harta, pengalaman yang didapati semasa merantau digunakan untuk mengerjakan tanah pusaka bagi mengantikan golongan tua yang tidak berdaya. Oleh itu tanah pusaka tidak akan terbiar begitu sahaja. Mereka disuruh kembali seperti dalam perbilangan yang berbunyi:

*Sekenyang-kenyang banting,  
rumput dimamah jua,  
sejauh-jauh melanting,  
jatuh ke tanah jua.*

Jelaslah bahawa perbilangan-perbilangan yang telah dibincangkan menggambarkan masyarakat Adat perpatih gigih berusaha untuk mencari nafkah dan menambah pendapatan. Ahli-ahli masyarakat digalakkan bagi meninggikan taraf hidup keluarga dan seterusnya membentuk bangsanya yang kukuh dari segi ekonomi. Konsep ini juga menjadi teras utama dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Dengan kata lain Gagasan Satu Malaysia menuntut setiap warganegara dan pemimpin memainkan peranan masing-masing supaya berdiri, berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia yang membawa maksud bahawa rakyat daripada pelbagai kaum dan agama perlu berfikir melepas sempadan kaumnya masing-masing. Mereka juga perlu melahirkan tindakan yang melepas tembok kepentingan etnik dan kaumnya. Sebagai contoh, bangsa Melayu diminta tidak hanya berfikir dalam skop bangsa mereka sahaja. Mereka juga diminta tidak hanya membataskan tindakan mereka kepada perkara-perkara yang menjadi kepentingan mereka sahaja. Demikianlah juga dengan kaum-kaum yang lain, mereka dituntut

melakukan perkara yang sama. Sementara pernyataan “kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan etnik dalam Negara kita” membawa makna lebih menjurus dan bersangkutan dengan kepimpinan Negara (1Malaysia, 2010). Pernyataan ini bermaksud kepentingan Negara akan melayani dan memenuhi segala keperluan dan hak semua kaum dan etnik di Malaysia. Namun pelaksanaannya tentunya merupakan satu perkara yang mencabar.

Shamsul Amri, (2007) menyatakan cabaran lain termasuklah dari aspek budaya dan nilai. Dalam proses membina jati diri Malaysia, rakyat perlu mempunyai kekuatan budaya dan nilai yang bersifat keMalaysiaan supaya rakyatnya yang berbilang kaum berupaya membina satu jalinan sosial yang kukuh dan utuh. Lantaran itu, adalah amat penting seluruh rakyat Malaysia memahami dan menghayati dasar kebudayaan kebangsaan yang telah digubal berdasarkan semangat kerjasama, persefahaman dan kesalingan antara kaum di Malaysia seperti juga yang dinyatakan dalam Gagasan Satu Malaysia (1Malaysia, 2010). Cabarannya ialah proses menerapkan budaya dan nilai ke dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai sifatnya ini, bukanlah sesuatu yang mudah direalisasikan disebabkan mereka memiliki pelbagai kelainan dan perbezaan sama ada dari segi cara hidup mahupun cara penghayatan amalan sistem nilai. Umpamanya kata perbilangan berikut ada mengungkapkan:

*Alang tukang terbuang kayu  
Alang cerdik binasa adat  
Alang alim rosak agama  
Alang sefaham kacau negeri*

Demikian juga halnya dari aspek pembinaan jati diri rakyat Malaysia yang sejati. Jati diri ialah rangkuman segala nilai, budaya, bahasa, pegangan, fahaman dan pandangan sejagat sesuatu kumpulan etnik atau kaum. Manifestasi dari rangkuman nilai-nilai tersebut akan membentuk watak dan sahsiah diri seseorang yang memancarkan watak dan sifat peribadi, cara berfikir dan penampilan diri yang melambangkan tradisi bangsa dan jati diri kaumnya. Cabarannya ialah pembentukan jati diri juga bukanlah sesuatu yang boleh dipaksa dalam diri seseorang. Ertinya adalah mustahil kita boleh memaksa sesuatu sistem nilai dan amalan budaya kepada seseorang yang lain (Shamsul Amri Baharuddin, 2007). Justru itu pembentukan jati diri Malaysia merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi dan ditangani dengan bijaksana. Hal inipun merupakan tanggungjawab paling mencabar dalam merealisasikan Satu

Malaysia. Dalam mempertahankan konsep jati diri kata-kata perbilangan berikut mengungkapkan:

*Mengheret membentang  
Menunjuk mengajari  
Menegur menyapa*

Seperkara lagi ialah cabaran yang paling getir membina jalinan hubungan harmoni antara interetnik dan intraetnik. Sebagaimana yang dimaklumi, Malaysia dihuni oleh pelbagai kaum dari pelbagai latar belakang budaya, tradisi, sistem kepercayaan dan anutan agama dan kepercayaan seperti Islam, Buddhisme, Daoisme, Hinduisme, Christianity, Sikhisme dan kepercayaan-kepercayaan lain serta amalan animisme seperti yang diamalkan sebahagian kaum peribumi di Sabah dan Sarawak (Zaid, 2010:191). Kepelbagaian lain ialah dari segi bahasa seperti bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa Cina atau Mandarin serta pelbagai dialek seperti Kantonis, Hokkien, Hakka, Hainan dan Foochow; bahasa Inggeris, bahasa Tamil termasuk dialek Telugu, Malayalam dan Punjabi, bahasa Thai, serta pelbagai bahasa sukuan dalam kalangan Orang Asli. Namun semua kegetiran ini dapat diatasi dengan kebijaksanaan barisan pemimpin negara khususnya yang menerajui Gagasan Satu Malaysia. Umpama ungkapan dalam kata-kata perbilangan berikut:

*Pohon rendang di tengah padang  
Batangnya untuk bersandar  
Dahannya untuk bergantung  
Buahnya untuk dimakan  
Daunnya untuk berlindung*

## 12. Kesimpulan

Senario kehidupan masyarakat kini yang serba mencabar menjadikan sikap **seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing** begitu ketara sekali. Tanggapan bahawa Adat Perpatih itu sebagai adat tradisional semata-mata sewajaranya dihapuskan. Nilai-nilai baik yang terjelma dalam Adat Perpatih itu tidak begitu dihiraukan dan seakan-akan dipinggirkan .

Sesuai dengan usaha melestarikan Adat Perpatih dalam masyarakat majoriti di Negara ini, sewajarnyalah kefahaman dan amalan Adat Perpatih ini dipupuk dan disebarluaskan semula dalam kalangan masyarakat keseluruhannya. Adat Perpatih boleh menjadi benteng yang

kuat lagi kukuh, bukan sahaja dapat menepis kemasukan gejala negatif tetapi juga memberi identiti, jati diri serta berkemampuan untuk maju mengikut masa dan persekitaran sesuai dengan konsep Gagasan Satu Malaysia untuk memperkuatkannya hubungan kaum sebagaimana yang digariskan dalam prinsip Rukun Negara. Perkara yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan ialah perasaan hormat-menghormati dan sikap saling mempercayai antara kaum. Rakyat perlu memahami dan mengamalkan sikap dan tindakan yang mengutamakan kepentingan negara. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka ialah bangsa Malaysia dan segalanya perlu dinikmati secara bersama. Bak kata perpatah; *sekata tak beralih, janji dibuat dimuliakan, buruk jangan dicari, musuh sama dihadang, berlunak sama berlumpur, bak kerbau sekandang, tanduk sama diasah, bak burung sesangkar, mengepal sekirai, bak ayam sereban, kecil besar sama sedayung, sakit satu semua berduka, bak labu nan menjalar, pucuk sama digetus, wakaf sama dipetik, ada sama mendapat, cicir sama dicari, untung laba sama dirasa.* Di dalam hal ini masyarakat pelbagai kaum haruslah mengutamakan soal kesepakatan. Setiap pekerjaan dilakukan secara sekata dan jangan ada yang mencari musuh. Jika ada musuh mestilah sama-sama dihalang secara sepakat. Melalui penglestarian Adat Perpatih juga keharmonian sesebuah institusi keluarga, masyarakat, seterusnya pelbagai kaum dalam sebuah negara dapat diwujudkan bersandarkan kepentingan nilai kesepakatan. Bak kata perbilangan; *Gunung nan tinggi sama didaki, Lurah nan dalam sama dituruni, Hati gajah sama dilapah, Hati kuman sama dicecah.* Setelah memperoleh kata sepakat atau kebulatan, semua perkara yang hendak dilakukan mestilah disempurnakan secara bersama-sama. Kalau susah sama-sama bersusah, demikian juga kalau senang hendaklah bersama mendapat kesenangan. Kalau banyak sama mendapat banyak dan kalau sedikit sedikit sama sikit. Di samping mengadakan kerja berseraya atau gotong-royong secara sedar atau tidak sedar bertujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan dan mananamkan konsep kejiranian yang sepadu. Apabila adat yang dikatakan ketinggalan zaman diketepikan, maka secara tidak langsung sistem kekeluargaan dan semangat kejiranian antara pelbagai kaum turut terhakis daripada corak kehidupan masyarakat hari ini. *Apa tanda orang beradat, imannya kokoh beramal kuat, bekerja dengan berhemat cermat, tahan memikul ringan dan berat.* Rumusannya Adat Perpatih tetap sesuai dan relevan untuk dilestarikan oleh semua kaum khususnya masa kini di mana negara menuju ke arah konsep gagasan satu Malaysia demi mencapai wawasan negara menjelang tahun 2020.

## Bibliografi

- Abdul Latif B. 2010. Forum Perjelas Gagasan 1Malaysia. 27 Julai: *Berita Harian*. Kuala Lumpur.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. 2009. *Satu Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, Komunikasi dan Kebudayaan, Kementerian Penerangan.
- Ismail I. 2009. *1Malaysia Dalam Konteks Kepelbagaiannya Agama*. Daripada <http://ummatanwasatan.net/2009/08/1malaysia-dalam-konteks-kepelbagaiannya-agama/> 2009
- Ismail S. 2009. "Konsep Satu Malaysia – Satu analisa kualitatif". *Laporan Penyelidikan Institut Pengurusan Penyelidikan*, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Ismail S. dan Mohd Amirul A.M.Z. 2010. Peranan Media Terhadap Pengetahuan Dan Penerimaan Konsep Satu Malaysia Dalam Kalangan Remaja Di Selangor. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ke-3, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutuan*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 20-21 Julai 2010
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2010. 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pembangunan Diutamakan, "Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung", Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Mac 2010.
- Khoo K.K. 2010. Celik Sejarah bantu Rakyat Jiwai 1 Malaysia, *Berita Minggu* 29 Ogos 2010.
- Mohd. Rosli S. 2010. "Falsafah Kehidupan Seni Komunikasi Teromba" tersiar dalam *Dewan Sastera*, Mei 2010.
- Norazit S. (nyut.), 1990. *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Muzium Negara Kuala Lumpur.
- Nordin S. 1976. *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Nordin S. 2007. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Norhalim Hj. I. 1993. *Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Norhalim Hj. I. 1995. *Negeri Yang Sembilan*. Selangor : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Norhalim Haji I. 2007. *Sejarah Kewujudan Adat Perpatih, dalam Adat Perpatih Esei Pilihan*, Jabatan warisan Negara.
- Nur Fatiha F. 2010. “Teromba: Wadah Manifestasi Falsafah Melayu” *Dewan Sastera*, Mei 2010.
- Shamsul Amri B. (pnyut.). (2007). *Modul Hubungan Etnik*, Universiti Teknologi MARA, Sah Alam.
- Sulaiman Z. (pnyut.). 2010. *Gagasan 1 Malaysia Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*. Selangor: Impiana Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Suzalie M. 2010. Elakkan Perpecahan Demi Kepentingan Rakyat dan Negara.  
[http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com\\_article&grp=2&sec=&key=2035&cmd=resetall](http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=2035&cmd=resetall).
- Syed Mahadzir S.I. (pnyut.). 2010. *Gagasan Najib: 1 Malaysia Rakyat didahulukan Pencapaian diutamakan*. Kuala Lumpur: Warisan InKed.
- Tenas Effendy, 1989. *Ungkapan, Tradisional Melayu Riau*. Dewan Bahasa Pustaka.
- Zaid A. (pnyut.). 2010. *Buku Teks: Hubungan Etnik di Malaysia*, Oxford FAJAR Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.